

**SOALAN NO. 43****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN KASTHURIRAANI  
A/P PATTO [BATU KAWAN]**

**TARIKH : 25 OKTOBER 2017**

**SOALAN :**

**YB Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan:**

(a) bilangan kes penceraian di mahkamah sivil dan mahkamah syariah sehingga kini dan yang berjaya bercerai dan mengapa kes penceraian mengambil masa lama untuk diputuskan walaupun asas penceraian jelas seperti di sijil nikah; dan

(b) adakah Kerajaan akan menubuhkan tabung bagi membantu wanita yang tidak berkemampuan untuk memfailkan perceraian.

95

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh dari tahun 2013 hingga September 2017, bilangan kes perceraian yang difailkan di Mahkamah Sivil adalah sebanyak 67,967 kes. Manakala bilangan kes perceraian yang difailkan di Mahkamah Syariah pula adalah sebanyak 56,175 kes bagi tempoh 2015 hingga 2016.

Di Mahkamah Sivil, hampir keseluruhan kes perceraian dapat diselesaikan/dilupuskan dalam masa 9 bulan selaras dengan Garis Masa (*Timeline*) yang ditetapkan oleh Mahkamah. Setakat 30 September 2017 sebanyak 67,248 kes telah selesai di Mahkamah Sivil.

Antara sebab/punca mengapa kes-kes perceraian tidak dapat diselesaikan dalam masa 9 bulan adalah kerana faktor seperti responden tidak dapat dikesan, kes melibatkan saksi yang ramai dan masa perbicaraan panjang, kes yang melibatkan saksi kanak-kanak yang hanya dapat hadir ke mahkamah pada waktu cuti sekolah, pihak-pihak gagal hadir pada tarikh yang telah ditetapkan oleh mahkamah dan sebagainya.

Di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia, permohonan perceraian akan mengambil sedikit masa untuk diputuskan. Ini adalah kerana-

- (a) Terdapat prosiding dan tatacara undang-undang yang perlu dipatuhi oleh pihak-pihak dalam proses permohonan perceraian di Mahkamah Syariah;
- (b) Proses penyampaian saman yang perlu dilaksanakan di luar bidang kuasa sesuatu negeri dan mengambil masa untuk disempurnakan;
- (c) Saman gagal disempurnakan secara kediri kepada defendan berikutan alamat yang tidak lengkap/tidak wujud yang menyebabkan kes perceraian terpaksa ditangguhkan bagi penyampaian secara ganti mengikut tatacara undang-undang;
- (d) Terdapat kes-kes perceraian yang melibatkan salah satu pihak berada di luar negara yang menyebabkan proses penyampaian saman tersebut memerlukan tempoh atau masa yang lebih lama;
- (e) Kesukaran untuk mendapat kerjasama daripada defendan (suami) untuk hadir dan memberikan keterangan di Mahkamah;
- (f) Permohonan penangguhan kes perceraian oleh pihak-pihak pada saat-saat akhir atas sebab yang tidak dapat dielakkan seperti cuti sakit, bertugas di luar kawasan (*outstation*) dan sebagainya; dan

- (g) Berbangkit masalah komitmen dan kesesuaian saksi dan pihak-pihak untuk hadir memberikan keterangan pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan oleh Mahkamah.

Walau bagaimanapun, berdasarkan statistik permohonan perceraian di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia bagi tempoh dari tahun 2015 dan 2016, jumlah permohonan perceraian yang masih belum diselesaikan/dilupuskan tidak ketara berbanding dengan jumlah kes yang didaftarkan. Statistik adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan kes didaftarkan</b>	<b>Bilangan kes diselesaikan/ dilupuskan</b>	<b>Baki yang belum diselesaikan/ dilupuskan</b>
2015	26,979	26,930	49
2016	29,196	28,484	712

Buat masa ini, Kerajaan belum bercadang untuk menubuhkan tabung untuk membantu wanita yang tidak berkemampuan untuk memfailkan perceraian mereka di Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah. Walau bagaimanapun Jabatan Bantuan Guaman di bawah Akta Bantuan Guaman 1971 [Akta 26] ada menyediakan perkhidmatan bantuan guaman bagi golongan yang tidak berkemampuan yang ingin memfailkan tuntutan perceraian mereka sama ada di Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah dan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.